



جَبَاتُ كَهَاكِمَانِ سِيَرِيَاةِ پَهَانِغِ

**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG**  
No. 1, Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Pahang  
Lot 141531, Jalan Indera Mahkota  
Bandar Indera Mahkota  
25200 KUANTAN  
PAHANG DARUL MAKMUR



Tel : 09- 531 8666  
Faks : 09- 531 8747 / 8737  
Web : <https://jksp.pahang.gov.my>  
Emel : [jksp@esyariah.gov.my](mailto:jksp@esyariah.gov.my)

Ruj. Kami : JKSP 600-1/3/1 ( 61 )  
Takwim : 1 Zulhijjah 1443H  
Tarikh : 1hb Julai 2022

Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,  
Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah,

### PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL. 7 TAHUN 2022

#### Panduan Pembayaran Secara Tahanan Pendapatan Bagi Penjawat Awam

Saya ingin menarik perhatian semua Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah kepada keputusan Muzakarah Kehakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang 1/2022 pada 26 hingga 28hb Jun 2022 bersamaan 26 hingga 28 Zulkaedah 1443H di eRYAbySURIA Cherating telah bersetuju untuk mengesahkan dan menerima pakai arahan Panduan Pembayaran Secara Tahanan Pendapatan sebagaimana berikut:-

1. Perintah Hakim hendaklah mengambilkira tempoh pelaksanaan pembayaran oleh agensi pelaksanaan iaitu dalam tempoh 3 bulan selepas perintah dikeluarkan. Bayaran secara tunai hendaklah dibuat dalam proses tahanan pendapatan dapat dilaksanakan.
2. Perintah hendaklah disampaikan kepada agensi pelaksana dalam tempoh tidak lebih sebulan dari tarikh keputusan dibacakan.
3. Hakim perlu mengambilkira had potongan maksimum bagi memastikan pendapatan bersih penjawat awam berbaki sekurang-kurangnya 40% daripada gaji bulanan.
4. Satu laporan ke bahagian kewangan majikan hendaklah diserahkan jika potongan melebihi had maksimum 60%.

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01hb Julai 2022.

(Dato' Sri Haji Abdul Rahman Bin Md Yunos, SSAP., DIMP., SMP., PKC.)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Pahang

KUANTAN  
2022

"SYARIAH ASAS KeadILAN"



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008 CERT. NO. AR5404